



4 Mac 2013
4 March 2013
P.U. (A) 78

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKONGSIAN TERHAD DAN
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD LABUAN (PINDAAN)
2013

*LABUAN LIMITED PARTNERSHIPS AND LIMITED
LIABILITY PARTNERSHIPS (AMENDMENT) REGULATIONS
2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKONGSIAN TERHAD DAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD LABUAN 2010
PERATURAN-PERATURAN PERKONGSIAN TERHAD DAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD
LABUAN (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang yang diberikan oleh subseksyen 89(1) Akta Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan 2010 [*Akta 707*], Menteri, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2013.

Penggantian Jadual Ketiga

2. Peraturan-Peraturan Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan 2010 [*P.U. (A) 419/2010*] dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA
(Peraturan 11)
BAYARAN FI

<i>Bil.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi</i> <i>(USD/RM)</i>
1.	Pendaftaran perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan dan perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf.	USD300/RM1,000
2.	Perakuan pendaftaran.	USD15/RM50
3.	Pemfailan notis perubahan kepada perjanjian perkongsian.	Tiada

<i>Bil.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi</i> <i>(USD/RM)</i>
4.	Perakuan pendaftaran notis perubahan kepada perjanjian perkongsian suatu perkongsian terhadap Labuan atau suatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan.	USD15/RM50
5.	Perakuan pendaftaran notis perubahan kepada nama perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf.	USD100/RM300
6.	Pemfailan notis pertukaran alamat pejabat berdaftar.	Tiada
7.	Pemfailan permohonan pendaftaran suatu penyerahhakan.	USD15/RM50
8.	Perakuan pendaftaran suatu penyerahhakan.	USD15/RM50
9.	Pemfailan notis pembubaran perkongsian terhadap Labuan.	Tiada
10.	Pemfailan permohonan bagi penukaran kepada perkongsian liabiliti terhadap Labuan.	USD100/RM300
11.	Perakuan penukaran kepada perkongsian liabiliti terhadap Labuan.	USD100/RM300
12.	Pemfailan notis pemberhentian perniagaan oleh perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf.	Tiada
13.	Pemfailan notis pelikuidasian atau pembubaran perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf.	Tiada
14.	Pemfailan notis pelantikan pelikuidasi asing untuk perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf.	Tiada
15.	Pemfailan perakuan kesolvenan tahunan kepada Lembaga.	Tiada
16.	Perisytiharan pembubaran perkongsian liabiliti terhadap Labuan oleh Lembaga.	USD150/RM500

<i>Bil.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi</i> <i>(USD/RM)</i>
17.	Pemfailan suatu perisytiharan pembubaran lebihan aset perkongsian liabiliti terhad Labuan kepada Lembaga.	Tiada
18.	Pemfailan permohonan memasukkan semula nama perkongsian yang telah dipotong bagi— <i>(a)</i> perkongsian terhad Labuan; atau <i>(b)</i> perkongsian liabiliti terhad Labuan.	USD30/RM100 USD300/RM1,000
19.	Fi tahunan yang perlu dibayar oleh suatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan.	USD300/RM1,000
20.	Setiap carian atau semakan dokumen yang difailkan atau diserahkan kepada Lembaga berkenaan dengan perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan— <i>(a)</i> oleh seorang pekongsi am, pekongsi terhad, pekongsi ditetapkan, pekongsi perkongsian liabiliti terhad Labuan, pelikuidasi perkongsian atau Lembaga; atau <i>(b)</i> oleh mana-mana orang lain yang diluluskan oleh pekongsi am, pekongsi ditetapkan, pekongsi perkongsian liabiliti terhad Labuan, pelikuidasi perkongsian atau Lembaga.	USD30/RM100 USD100/RM300
21.	Setiap salinan atau cabutan yang dibuat dan diperakui oleh Lembaga bagi apa-apa dokumen dalam simpanannya.	USD10/RM20